

Sejarah hitam bola sepak Terengganu

Imej stadium yang jadi mercu tanda negeri tercalar dalam aksi pertama selepas 6 tahun SSMZA tidak digunakan

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Belum pun sempat merayakan kegembiraan apabila Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) yang terbiar sejak lebih enam tahun lalu dapat digunakan semula, imej stadium yang menjadi mercu tanda rakyat Terengganu itu sekali lagi tercalar.

Ia berikutan insiden kekecohan yang dicituskan penyokong tuan rumah yang dikatakan tidak berpuas hati dengan mutu pengadilan ketika aksi perlawanan separuh akhir kedua Piala FA antara Skuad Penyus menentang Lions XII, dari Singapura malam kelmarin.

Kontroversi yang berlaku bukan sahaja mengakibatkan seluruh rakyat Malaysia kembali terarah ke stadium yang menggemparkan negara apabila runtuh pada Jun 2009 iaitu tidak sampai setahun ia digunakan, malah Kerajaan negeri sekali lagi terpaksa menanggung kerugian akibat tindakan liar penyokong tuan rumah itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman mengakui dukacita dengan insiden berkenaan kerana ia merupakan perlawanan pertama diadakan selepas stadium tersebut dibaik pulih akibat bumbarung runtuh sebelum ini.

Rugi RM150,000

"Kita menganggarkan kerugian yang terpaksa di-



Penyokong pasukan Lions XII terpaksa menunggu di dalam stadium selepas bas yang membawa mereka turut dirosakkan oleh segelintir penyokong Terengganu yang merusuh. Foto Bernama.

tanggung (kerusakan yang berlaku dalam stadium) tidak termasuk kebakaran ambulans dan cermin bas adalah kira-kira RM150,000 kerana banyak cermin (dalam stadium) yang telah dipecahkan (ketika rusuhan penyokong).

"Walaupun bagaimanapun, insiden ini tidak sesekali menurangkan semangat saya untuk memastikan stadium ini (SSMZA) akan terus dapat digunakan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Pengajian Siswazah (PPS Week) dan Seminar Sistem Wakaf Dalam Pembangunan Ummah di Universiti Sultan Zainal Abidin

(Unisza) di sini, semalam.

Selain meluahkan rasa kecewa dengan



KHAIRUDDIN

insiden yang berlaku, Ahmad Razif turut meminta pihak polis mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mana-mana individu yang didapati terlibat secara langsung dalam insiden memalukan itu.

Mohon maaf kepada penyokong pelawat

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali menyifatkan insiden rusuhan penyokong di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) sebagai memalukan dan dalam masa yang sama turut menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Jelas beliau lagi, seharusnya perlawanan yang berlangsung itu dihayati dengan penuh semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya ekoran tindakan sekumpulan penyokong yang tidak berpuas hati.

"Selaku Ahli Parlimen (Kuala Nerus) saya ingin memohon kemaafan kepada penyokong pelawat (Lions XII) dengan apa yang berlaku malam semalam (kelmarin) dan insiden ini seharusnya membuka mata ramai pihak.

"Bagaimanapun, saya melihat insiden ini tidak akan berlaku sekiranya mutu pengadilan dilaksanakan dengan baik

kerana apa tercetus malam semalam (kelmarin) adalah akibat tidak puas hati dengan keputusan pengadilan.

"Jadi, saya turut berharap pihak berkenaan melakukan semakan semula terpaksa keputusan perlawanan kerana didapati timbul kekeliruan dengan keputusan yang dibuat pengadilan hingga mencetuskan kemarahan luar biasa penyokong tuan rumah ('Terengganu),' katanya.

Tindakan liar tanda protes

Jelas Mohd Khairuddin lagi, tindakan liar yang dilakukan penyokong itu adalah sebagai tanda protes dengan keputusan yang disifatkan tidak adil, apatah lagi ia merupakan perlawanan penting buat Terengganu untuk mengisi slot ke final Piala FA.

"Kita faham dengan kecewaan penyokong hingga mengakibatkan mereka bertindak sedemikian, tetapi sebetulnya mereka (penyokong) menggunakan saluran yang betul untuk menyatakan ketidakpuasan hati itu," katanya.

Katanya lagi, pendekatan terbaik untuk merungkai permasalahan tersebut adalah dengan melakukan semakan semula dan jika didapati keputusan berpihak kepada Terengganu, adalah perlu perlawanan ulangan dilakukan.

REAKSI



"Insiden rusuhan yang berlaku ketika aksi antara Terengganu dan Lions XII itu dilihat lebih menjurus ke arah rasa tidak puas hati penyokong terhadap mutu pengadilan dan di pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) juga, mereka seharusnya memastikan pengadilan yang terlibat dalam perlawanan penting adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman bagi mengelak berlaku keputusan kontroversi. Bagaimanapun tindakan penyokong yang bertindak merosakkan harta benda termasuk membakar ambulans juga tidak sewajarnya berlaku."

- Mohd Rosdi Mat Zin.



"Secara dasarnya saya tidak bersetuju dengan tindakan liar penyokong termasuk merosakkan harta awam dan menyerang pihak keselamatan, namun kita juga terpaksa akui ia adalah disebabkan kemarahan penyokong terhadap mutu pengadilan ketika perlawanan, jadi insiden ini seharusnya menjadi pengajaran kepada semua pihak. Di pihak penyokong pula, kita berharap mereka lebih bersikap rasional dan perlawanan bola sepak seharusnya menjadi landasan untuk menyatukan semua pihak, bukan medan untuk melepaskan ketidakpuasan hati kerana ia seharusnya dilakukan dengan saluran yang betul."

- Nik Mohd Faridzal Nik Jaafar



Ahmad Razif (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Naib Canselor Unisza, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim (kiri).